

Memori perjuangan 60 tahun

Oleh NOOR AZAM

PERKEMBANGAN politik tanah air akhir-akhir ini mendorong saya meneliti semula beberapa buku yang ada kaitan dengan sejarah politik negara kita. Buku-buku ini menunjukkan tahun 1946 telah merakamkan beberapa peristiwa amat penting – yang pertama kali berlaku – dalam sejarah perjuangan bangsa kita.

Sultan, pembesar negeri, pemimpin pertubuhan dan rakyat jelata Melayu, semuanya ada peranan dalam peristiwa-peristiwa itu. Berapa ramaikah generasi sekarang yang tahu akan peristiwa-peristiwa itu? Berapa ramai pula yang cuba belajar daripada apa yang telah berlaku itu?

Orang yang tidak mempedulikan sejarah, terutama yang aktif berpolitik, politiknya akan jadi seperti pengembara tanpa pedoman. Sejarah tak pernah berbohong, justeru siapa yang lupa sejarah, akan dihukum oleh sejarah.

Malangnya, dalam zaman Internet dan gagahnya budaya komersial sekarang ini, semakin ramai orang yang merasakan sejarah tidak perlu dipelajari. Yang penting adalah apa yang ada di depan mata dan masa depan, bukan masa lalu. Masa lalu itu hanya nostalgia orang tua-tua seperti saya.

Demonstrasi Politik Melayu Pertama dan Terbesar

Hari ini, genap 60 tahun lalu – 10 Februari 1946 – dianggarkan lebih 15,000 umat Melayu mengadakan tunjuk perasaan menentang Malayan Union, di Batu Pahat. Tunjuk perasaan ini dipimpin Datuk Onn Jaafar, Pegawai Daerah Batu Pahat. Mengumpulkan 15,000 orang pada zaman itu tidaklah mudah. Sekarang, lagi tidak boleh, tanpa disediakan pelbagai upah dan kemudahan.

Sebelum peristiwa ini, pada penghujung tahun 1945 – berita bahawa Harold MacMichael telah mendapat persetujuan raja-raja Melayu untuk menubuhkan Malayan Union – telah mengejutkan orang Melayu. Dan secara spontan tercetuslah gerakan protes, yang dalam beberapa minggu saja jadi semakin garang dan semakin kemas. Saya rasa tunjuk perasaan 10 Februari ini adalah demonstrasi politik Melayu pertama yang paling besar dan menjadi perangsang terjadinya demonstrasi yang sama di negeri-negeri lain di seluruh Semenanjung Tanah Melayu. Waktu itu umur saya 13 tahun.

Wakil kerajaan British, Harold MacMichael, yang tiba pada 11 Oktober 1945, dengan tipu helahnya dan secara sulit – hanya dalam masa dua bulan, antara 20 Oktober hingga 21 Disember – berjaya mendapat tandatangan persetujuan kesemua sembilan Sultan. Kerajaan British mengumumkan rancangan terperinci Malayan Union pada 22 Januari 1946 dan perisytiharannya ditetapkan pada 1 April 1946.

Nyatalah mereka telah mempersiapkan rancangan ini apabila ada tandatangan Jepun akan kalah dan gagasan politik baru itu akan dilaksanakan sebaik saja mereka kembali ke Tanah Melayu, ketika keadaan masih kucar-kacir. Orang Inggeris berpendapat, bangsa Melayu tidak bersatu, sangat taat setia kepada raja negeri masing-masing, masih suka dan kagum kepada Orang Putih, bodoh dan tidak begitu mempedulikan politik, pegang raja rakyat akan menurut perintah!

British mungkin tersalah baca peta politik Asia selepas Perang Dunia Kedua. Pada 12 Januari 1946 surat khabar *Majlis* menyuarakan Datuk Onn tampil untuk memimpin orang Melayu menentang gagasan Malayan Union. Dan pada 23 Januari, Datuk Onn menulis kepada *Utusan Melayu* menjemput semua pertubuhan Melayu untuk bersatu menentang British dan mendirikan sebuah pertubuhan kebangsaan

bagi melancarkan perjuangan politik bangsa Melayu. Pada 15 Februari, sebagai langkah permulaan, Datuk Onn menganjurkan demonstrasi besar di Batu Pahat.

Kongres Nasional Politik Melayu Pertama

MAKA pada 1-3 Mac 1946, wakil-wakil 41 pertubuhan Melayu berkumpul di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru. Inilah kongres nasional politik Melayu yang pertama. Dan untuk pertama kalinya, selama tiga hari, kerajaan British telah dikritik habis-habisan dalam perhimpunan politik Melayu. Orang Putih bukan lagi tuan, tetapi musuh yang sangat jahat.

Selain mengambil keputusan menentang Malayan Union, kongres ini tanpa bangkangan, bersetuju menubuhkan parti politik Melayu: Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR).

Sayangnya parti politik Melayu terbesar dan berteraskan semangat Melayu-Islam ini, akhirnya memakai nama UMNO (United Malays National Organisation), bukan PEKEMBAR – nama Inggeris bukan nama Melayu!

Semangat kebangsaan dan kesedaran politik-ekonomi di kalangan orang Melayu, telah bermula sekitar tahun 1920-an. Akan tetapi kesulitan perhubungan dan sentimen kenegerian tidak mendorong wujudnya gerakan perjuangan yang bersifat nasional. Lagipun yang dirasakan mengancam kedudukan orang Melayu waktu itu, bukan penjajah Inggeris, tetapi pedagang dari benua China. Maka wadah yang wujud waktu itu hanyalah pertubuhan di peringkat negeri dan daerah. Pertubuhan inilah yang berkumpul di Kelab Sultan Sulaiman pada awal Mac 1946.

Komited

Namun sejak tahun 1920-an, akhbar dan majalah Melayu terus-menerus menjadi suara politik Melayu-Islam, merentasi batas daerah dan negeri. Pengarang akhbar dan majalah waktu itu adalah nasionalis yang sangat komited kepada perjuangan bangsa. Maka dalam masa yang amat singkat – walaupun orang Melayu miskin dalam serba-serbi – PEKEMBAR berkembang jadi wadah politik yang perkasa. Diperkasakan oleh semangat kebangsaan, bukan oleh wang ringgit dan kedudukan.

Namun kerajaan British masih memandang rendah dan remeh kepada kebangkitan politik Melayu ini. Mereka tetap mahu mengisytiharkan penubuhan Malayan Union pada 1 April 1946 dan sembilan sultan akan menyertai upacara pelantikan gabenor – raja baru Tanah Melayu. Keadaan amat kritikal, masa sangat mendesak. Saya yakin British memperhebat perang sarafnya mencari sokongan dan melemahkan perjuangan Melayu. Datuk Onn telah bertindak berani dan pantas.

Dalam bukunya *5 Men & 5 Ideas*, Hng Hung Yong menegaskan: "Dari awal permulaan lagi, sikap bukan Melayu mengenai Malayan Union amat berbeza dengan orang Melayu. Kebanyakan bukan Melayu menyokong cadangan British itu."

Disebut juga "Di antara tahun 1946 dan 1948, Datuk Onn mengetuai orang Melayu menentang Malayan Union, sementara Tan Cheng Lock pula memimpin bukan Melayu untuk menyokong Malayan Union dan kemudian membantah Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948."

Dalam buku yang sama dirumuskan, pada zaman itu "Perjuangan politik kaum Cina di Tanah Melayu adalah lanjutan daripada perjuangan di China. Ia tidak ada kaitan untuk mendapatkan kerajaan sendiri atau kemerdekaan di Tanah Melayu."



PERARAKAN ahli-ahli Kaum Ibu dan PEKEMBAR serta murid-murid sekolah membantah Malayan Union. Pelbagai sepanduk dalam bahasa Melayu dan Inggeris mengecam Malayan Union.

Kedaulatan Bangsa Berada di Tangan Rakyat

Maka pada 30 dan 31 Mac, Datuk Onn, atas nama kongres, memanggil mesyuarat tergepar dan memuktuskan:

- Meminta sultan-sultan memboikot upacara perisytiharan Edward Gent sebagai Gabenor dan semua majlis berkaitan dengan Kerajaan Malayan Union.

- Meminta semua orang Melayu yang dilantik sebagai ahli Majlis Penasihat Malayan Union menolak pelantikan itu.

- Sebagai tanda memprotes dan berkabung, orang Melayu diminta memakai lilit kain putih pada songkok.

Pada waktu itu sultan dari sembilan negeri telah pun berkumpul di Station Hotel (di Bangunan Stesen Keretapi Kuala Lumpur) untuk menghadiri upacara pelantikan gabenor.

Maka pada 31 Mac, Datuk Onn menghadap Sultan-Sultan, menyampaikan keputusan Kongres itu. Beliau meminta sultan-sultan menyertai umat Melayu menentang Malayan Union. Datuk Onn memberi amaran, sekiranya sultan-sultan terus menerima Malayan Union dan menghadiri juga upacara itu, rakyat tidak lagi akan mengakui sultan-sultan sebagai raja mereka. Inilah pertama kali orang Melayu berani berkata demikian kepada raja mereka. Dan akhirnya semua sultan bersetuju tidak akan menghadiri upacara pelantikan itu.

Menurut seorang ahli akademik, A.J. Stockwell, kisah ini tidak selesai di situ. Pada pagi 1 April, sekali lagi Datuk Onn menghadap. Agak mengejutkan apabila Datuk Onn melihat semua sultan telah bersiap sedia dengan pakaian istiadat untuk menghadiri upacara pelantikan gabenor. Apa yang menyebabkan sultan-sultan ini mengubah fikiran tidak dapat dipastikan. Tetapi setelah berlaku sedikit perdebatan, Datuk Onn berhasil memujuk Sultan-Sultan dan membawa mereka ke beranda hotel menyaksikan ribuan rakyat yang masih menunjukkan kesetiaan kepada Raja mereka.

Peristiwa yang tak terduga oleh sultan-sultan ini amat menyentuh perasaan mereka, dan menyedarkan mereka kembali, akan kedudukan mereka sebagai raja yang mestilah bersama rakyat. (Selama dijajah British – raja-raja dengan kedudukan dan kemewahan mereka – tidak banyak mengetahui kehi-

dupan rakyat, sehingga mereka tidak dapat membaca hati rakyatnya). Hampir tidak ada juga pembesar dan pegawai tinggi Melayu seperti Datuk Onn. Sehingga sekarang pengaruh budaya British masih jadi syarat pakaian semasa menghadiri majlis-majlis rasmi sambutan keputeraan sultan setiap tahun.)

Namun British masih berdegil. Malayan Union diisytiharkan juga tanpa kehadiran sultan-sultan. Langkah-langkah diambil untuk menyatukan perkhidmatan kehakiman, pasukan polis dan perkhidmatan awam. Semua aset milik kerajaan negeri dipindahkan kepada Kerajaan Malayan Union. Gabenor memerintah dengan bantuan Majlis Penasihat Malayan Union. Kerajaan Negeri dihapuskan. Raja-raja Melayu hilang kedudukan. Tiada lagi negeri milik bangsa Melayu.

Menentang

Kedegilan dan kesombongan British ini menyemarakkan lagi semangat Melayu. Lalu pada 11 Mei 1946, dalam Kongres di Johor Bahru, lahirlah UMNO. Datuk Onn dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong. Semangat dan wadah politik Melayu semakin gagah.

Sultan-sultan secara terbuka mulai ikut menentang Malayan Union dan pada bulan Mei menghantar wakil ke London, menyatakan persetujuan mereka ditarik balik.

Pada akhir Jun, British mengakui kekuatan perpaduan Melayu dan perundingan diadakan dengan UMNO dan sultan. Persetujuan prinsip merangka perlembagaan baru dicapai dan UMNO mengesahkan persetujuan ini pada bulan Januari 1947. Kerajaan British dan sultan-sultan menandatangani perjanjian pada 21 Januari 1948. Dan pada 1 Februari 1948 lahirlah kerajaan baru Persekutuan Tanah Melayu.

Menurut K.J. Ratnam, "Hasil keseluruhan daripada perlembagaan baru ialah pemulangan Tanah Melayu sebagai negara orang Melayu yang asal." Kedudukan sultan seperti sebelum perang dikembalikan dan autonomi negeri-negeri dikekalkan.

Kejayaan dan pengiktirafan ini menjadi titik permulaan kepada perjuangan *survival* yang semakin rumit dan yang tidak pernah selesai. Semenjak jadi Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah sentiasa mengingatkan betapa perlunya semangat kerjasama dipelihara. Yang akan menentukan masa depan kita adalah kekuatan dan keberanian politik, kejujuran dan kebijaksanaan.